

**LAPORAN KAJIAN AKHIR CADANGAN MEREKA BENTUK
TELUK BATIK BEACH RESORT DI TELUK BATIK,JALAN TELUK BATIK,
32200 LUMUT, PERAK DARUL RIDZUAN.**

Oleh

**NURUL BALQIS BINTI MOHD ZAIN
2006125139**

**JABATAN SENIBINA DALAMAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR**

**OKTOBER 2010
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

OKTOBER 2010

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Foto	ix
Senarai Rajah	xi
Senarai Jadual	xi

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB	1.0	PENDAHULUAN	1
1.1		PENGENALAN	2
1.2		METODOLOGI KAJIAN	3
1.2.1		Fasa Pertama	3
1.2.2		Fasa Kedua	5
1.2.3		Fasa Ketiga	7
1.3		MATLAMAT KAJIAN	9
1.4		OBJEKTIF KAJIAN	10
1.5		SKOP KAJIAN	11
1.6		HALANGAN KAJIAN	12
1.7		KEPENTINGAN KAJIAN	13

ABSTRAK

Pembentukan sesebuah reka bentuk adalah berdasarkan apa yang dilihat, dikaji dan penelitian yang tajam bagi menghasilkan reka bentuk yang berjaya. Ia harus dilihat dari pelbagai aspek luaran atau dalaman. Projek akhir Reka Bentuk Dalaman di peringkat Diploma ini adalah merupakan manifestasi terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek projek reka bentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat paling asas hingga ke peringkat persempahan cadangan reka bentuk. Projek yang telah dipilih bagi projek akhir ini ialah cadangan menaik taraf dan mereka bentuk skima baru bagi Teluk Batik Beach Resort,Lumut. Bertempat di Teluk Batik,Jalan Teluk Batik, 32200 Lumut, Perak, Malaysia. Tujuan utama projek ini adalah menaik taraf, mereka bentuk dan merancang ruang dengan lebih sistematik dan berfungsi serta dapat memenuhi kehendak dan keselesaan pelanggan. Dengan terhasilnya reka bentuk dan hiasan dalaman yang baru bagi Teluk Batik Beach Resort, adalah diharapkan bahawa ia dapat menaik tarafkan lagi imej hotel ini dan memperkembangkan lagi perniagaan mereka. Tema dan konsep juga diaplikasikan dalam ruang hotel untuk menonjolkan lagi nilai estetika dan juga nilai prestij hotel tersebut. Konsep dan imej yang dicadangkan dijangkakan mampu memberi satu kesan yang baik dan juga boleh menjadi salah satu tarikan utama pada pelanggan dan orang ramai yang datang. Beberapa penyelidikan telah di jalankan bagi menjayakan projek akhir hotel ini, antaranya termasuklah kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian , kajian kes dan kajian soal selidik. Kesemua kajian – kajian tersebut adalah bertujuan mengenal pasti kelemahan – kelemahan yang ada dan juga cuba untuk mengatasi beberapa masalah yang timbul. Kajian – kajian yang telah dijalankan ini akan diterapkan di dalam proses reka bentuk, dengan tujuan mendapatkan satu reka bentuk yang menarik dan sesuai dengan imej Teluk batik Beach Resort samada dari segi fungsi dan nilai estetikanya. Konsep yang saya terapkan di sini adalah '*Tranquility : the quality of calm experience with natural features and free from man-made disturbances*' yang bermaksud ketenangan yang dicapai dengan alam semulajadi dan bebas dari hiruk-pikuk kota, memandangkan hotel ini merupakan sebuah hotel yang jika dilihat dari segi nama memberikan maksud yang gah tetapi secara zahirnya tidak menonjolkan ciri-ciri tersebut. Sebagai cabaran, saya akan cuba yang terbaik untuk melahirkan idea-idea untuk menaiktaraf dan merekabentuk Teluk Batik Beach Resort agar menjadi ikon di Lumut.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Pertama sekali, ingin saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t di atas limpah kurnia dan hidayah-Nya, maka dapatlah saya menyiapkan tugasan saya ini dengan jayanya. Di sini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para pensyarah yang terlibat secara langsung atau tidak dalam usaha saya menyiapkan tugasan saya ini terutama sekali kepada koordinator kursus THE 386, EN. Suhaimi , penyelia laporan saya, iaitu Puan Asyikin dan juga semua pensyarah subjek IND 381,Cik Wan Hafizayati , Cik Nor Adilla , di atas segala nasihat dan tunjuk ajar serta sumbangan tenaga mereka dalam proses untuk saya menyiapkan projek akhir saya. Mereka telah banyak memberi dorongan, sokongan serta menyumbangkan idea bagi membantu saya menyiapkan tugasan ini. Tidak juga saya lupakan untuk menyatakan setinggi-tinggi terima kasih kepada pendorong utama saya iaitu kedua-dua ibu bapa saya yang banyak memberikan dorongan dari segi mental dan fizikal serta mendoakan saya Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya di sini kerana banyak memberi pertolongan dan semangat untuk saya menghadapi pelbagai cabaran dalam saya menyiapkan tugasan akhir saya ini. Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

Nurul Balqis Binti Mohd Zain,

1.0 PENDAHULUAN

Hotel menurut Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka bermaksud sebuah bangunan yang mana mempunyai kemudahan tempat tinggal atau bilik dan turut member kemudahan seperti makanan kepada tetamu yang menginap di hotel tersebut. Hotel juga terbahagi kepada pelbagai jenis dan kategori bergantung kepada fungsi dan lokasi hotel tersebut.

Hotel telah lama wujud di dunia ini. Namun semenjak beberapa dekad kebelakangan ini, persaingan telah diwujudkan oleh pertambahan bilangan hotel-hotel di mana telah menghasilkan pelbagai jenis hotel yang lebih kompleks. Industri perhotelan ini semakin berkembang dari hari ke hari dengan variasi produk yang lebih meluas. Faktor pemangkin kepada perkembangan ini adalah kerana hasil daripada permintaan pengguna yang menggalakkan, persaingan yang wujud antara hotel-hotel dan pemahaman pihak-pihak yang berkaitan dalam bidang perhotelan itu sendiri tentang tuntutan ataupun keperluan orang awam dan pengunjung. Hotel dikelaskan melalui lokasi, kegunaannya dan karakter-karakter istimewa yang ditawarkan. Ini juga adalah ciri-ciri bagi mengklasifikasikan hotel-hotel ini mengikut bintang dan taraf dalam dunia perhotelan.

Harga penginapan bagi sesebuah bilik hotel tidak menentukan perkhidmatan yang akan diberikan oleh pihak hotel itu adalah memuaskan atau tidak. Kadang kala bayaran yang mahal bagi sesebuah hotel hanya diberikan bilik penginapan yang kecil sahaja. Walaubagaimanapun mungkin perkhidmatan yang diberikan adalah memuaskan. Terdapat juga ‘budget hotel’ di mana bayaran yang dikenakan adalah jauh lebih murah tetapi penginapannya adalah lebih besar dan keperluan yang diberikan juga lebih baik.

Oleh kerana jenis-jenis hotel adalah berbeza maka keperluan rancangan adalah bergantung kepada lokasi yang dipilih, saiz ruang, imej, taraf sesebuah ruang, sirkulasi, dan karakter hotel tersebut.